



**JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG
UNIT SOKONGAN TEKNIKAL**

BUKIT SEKILAU, 25200 KUANTAN
No Tel : 09 - 513 2915 No Fax : 09 - 513 2530



KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang bertaraf **Bumiputra** yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** didalam gred kategori / pengkhususan yang berkaitan dan pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :

No Tawaran	Tajuk Tawaran Dan Kepala / Pecahan Kepala	Butiran-butir Lawatan Tapak (Diwajibkan)		Tarikh Tutup
UKH.PHG.34/2019	KERJA - KERJA SENGGARA DAN NAIKTARAF RUMAH JABATAN SERTA LAIN - LAIN KERJA BERKAITAN DI KUARTERS JPNN KEMUNTING, DAERAH KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR. [Gred/ Kategori : G1 / CE] [Pengkhususan : [CE21]	Tarikh : Masa : Tempat :	23 Ogos 2019 (JUMAAT) 10.00 pagi Kuarters JPNN Kemunting, Kuantan.	29 Ogos 2019 (KHAMIS) 12.00 Tghari
		1. 2.	Sila bawa Sijil Asal dan Salinan SPKK & CIDB Penama yang ditauliahkan CIDB,PKK & SSM sahaja dibenarkan.	

Butir-butir mengenai tawaran ini boleh dilihat pada waktu pejabat di **Unit Kejuruteraan Hutan, Pejabat Pembangunan Hutan, Bukit Sekilau, 25200 Kuantan** mulai tarikh lawatan tapak sehingga tarikh tutup tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran akan hanya dikeluarkan kepada kontraktor-kontraktor atau wakil-wakil sah mereka sahaja yang mempunyai surat kuasa serta yang telah mengikuti taklimat projek dan lawatan tapak .Permohonan untuk pembelian dokumen tawaran hendaklah disertakan dengan **Sijil Asal Taraf Bumiputera, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** serta dikenakan bayaran untuk harga dokumen sebanyak **Dua Puluh Ringgit Sahaja (RM 20.00)** dalam bentuk **Wang Pos atau Deraf Bank** di atas nama **Pengarah Perhutanan Negeri Pahang** dan hendaklah dipalang. Dokumen tawaran hanya akan dijual mulai tarikh **23 Ogos 2019 (Jumaat)** sehingga **28 Ogos 2019 (Rabu)** sahaja. Permohonan untuk mendapatkan dokumen selepas tarikh tersebut tidak akan diterima.

Dokumen tawaran yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dan dimeterikan serta ditulis **Nombor Tawaran** dan **Tajuk Kerja** berkaitan dipenjuru kiri sebelah atas sampul surat berkenaan dan dimasukkan kedalam peti tawaran ditempat berikut:

**PENGARAH PERHUTANAN NEGERI,
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG,
TINGKAT 5, KOMTUR,
BANDAR INDERA MAHKOTA,
25990 KUANTAN.**



pada atau sebelum jam **12.00 tengahari** pada tarikh tutup tawaran seperti yang dinyatakan di dalam jadual di atas. Pihak jabatan ini tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran sekalipun.